

## **SOROTAN LITERATUR BANGSAWAN DI MALAYSIA 1960-2017**

*NUR AFIFAH VANITHA ABDULLAH*  
*Universiti Kebangsaan Malaysia*  
*nurafifah@ukm.edu.my*

### **ABSTRAK**

Bangsawan adalah sebuah bentuk seni persembahan Melayu yang unik. Tunjang teater ini adalah wayang Parsi dan dibawa masuk ke Pulau Pinang oleh para saudagar dari Gujerat, India sekitar tahun 1870-an. Teater ini adalah teater komersial Melayu yang pertama, dan bersifat transisi dengan gabungan elemen teater tradisional dan moden. Teater ini berumur hampir 130 tahun dan telah mengalami beberapa perubahan serta adaptasi sejak 1890-an selari dengan konteks lokasi, politik dan sosialnya. Setakat ini beberapa kajian tentang bangsawan telah dilaksanakan dalam konteks bidang sains sosial dan seni persembahan di peringkat sarjana dan doktor falsafah yang tertumpu di Tanah Melayu dan Singapura, serta Sarawak. Sejak penulisan ilmiah pertama oleh Rahmah Bujang pada 1975 tentang sejarah teater bangsawan di Tanah Melayu dan Singapura, teater ini telah dikaji dan didokumentasi dari pelbagai aspek selepas itu. Sehubungan itu, artikel ini bertujuan menjawab persoalan, ‘apakah korpus ilmu tentang tentang bangsawan di Malaysia setakat tahun 2017?’ Dapatan artikel ini adalah, secara umum penulisan lepas tentang bangsawan telah mencakupi pelbagai topik setakat 2017. Penulisan-penulisan lepas yang sedia-ada dapat dibahagikan kepada dua kategori, iaitu mengikut skop lokasi kajian. Yang pertama, merakamkan pelbagai aspek teater bangsawan di Tanah Melayu dan Singapura, manakala yang keduanya pula tentang persembahan bangsawan di Sarawak. Penulisan-penulisan lepas ini membincangkan pelbagai aspek tentang bangsawan termasuk sejarah dan perkembangan, lakonan, konvensi teater, muzik, proses persembahannya serta usaha intervensi teknologi untuk memulihara teater ini.

**Kata kunci:** bangsawan; korpus ilmu; Melayu; seni persembahan; teater

## **LITERATURE REVIEW ON BANGSAWAN IN MALAYSIA 1960-2017**

### **ABSTRACT**

*Bangsawan* or the Malay opera is a unique performance. The root of this theatre is the *wayang Parsi*, brought by the Persian merchants to Penang in the 1870s. This is the first Malay commercial theatre, and it is also known as the transition theatre in the lineage of Malay theatre. *Bangsawan* has both traditional and modern theatre elements in it. This theatre is almost 130 years old and has gone through a few changes and adaptation in context with its social milieu since 1890s. Currently, *bangsawan* has become an area to be studied at the level of postgraduate research. These studies examine *bangsawan* in the context of social sciences as well as performing arts and covers bangsawan performances in the region of Peninsular Malaya, Singapore and Sarawak. The first article on *bangsawan* was published by Rahmah Bujang in 1975, and since then *bangsawan* has been studied from various aspects. This article intends to

answer the question, “What is the existing corpus knowledge on *bangsawan* in Malaysia up to the year of 2017’. The findings in this article are, in general previous literatures up to the year of 2017 on *bangsawan* in Malaysia has covered various topics. These literatures can be divided into two categories according to the location of *bangsawan* that had been studied. The first category is *bangsawan* of the Peninsular Malaya and Singapore, and the second *bangsawan* performances in Sarawak. These past literatures would discuss from various aspects on *bangsawan*, such as the history and its development, acting, theatre conventions, music, the performance process and intervention efforts to preserve the art of *bangsawan*.

**Keywords:** theatre, *bangsawan*, corpus knowledge, performing arts studies, Malay

## PENGENALAN

*Bangsawan* adalah genre seni persembahan yang unik dalam alur perkembangan teater Melayu yang muncul sekitar lewat abad ke-19 di Pulau Pinang. Keunikan *bangsawan* disebabkan kehadiran elemen teater tradisional dan moden dalam persembahannya. Hal ini selari dengan kedudukannya di penghujung era teater tradisional dan permulaan teater moden Melayu, iaitu Sandiwara. Antara elemen teater tradisional dalam *bangsawan* adalah acara ritual buka dan tutup panggungnya, serta tiada skrip, pengarah dan latihan lakonan khusus sebelum pementasan, manakala elemen teater moden pula berkait terus dengan tujuan teater ini dilaksanakan, iaitu untuk tujuan hiburan dan komersial. Penjualan tiket, pemilihan individu berbakat dan berupa paras menarik, penekanan terhadap cerita, tarian, lagu, kostum, set, prop, tirai, serta penggunaan ruang khusus iaitu pentas berbentuk proscenium adalah antara elemen moden bagi teater ini. Justeru, *bangsawan* turut dikenali sebagai teater transisi dalam kalangan sarjana teater Melayu disebabkan sifatnya yang unik ini.

Nama lain bagi teater *bangsawan* adalah opera Melayu. Teater ini juga adalah salah satu genre seni persembahan Melayu. Di samping lakonan, pengucapan dialog, tarian, nyanyian, dan lawak jenaka, teater ini diiringi muzik sepanjang pementasannya. Cerita-cerita yang dipentaskan adalah tentang golongan aristokrat yang diadaptasi dari cerita India, Cina dan Barat. Asal-usul teater *bangsawan* adalah adaptasi daripada teater wayang Parsi yang dipentaskan di Pulau Pinang sekitar tahun 1875 oleh anak-anak wayang dari Gujerat, India. Masyarakat Pulau Pinang, terutamanya yang berketurunan Jawi peranakan amat tertarik dengan persembahan wayang Parsi dan mula mengusahakan teater ini (Rahmah 1975). Mereka menyesuaikan aspek pementasan wayang Parsi dengan kebudayaan tempatan. Selain menggunakan nama Melayu untuk watak-wataknya, bahasa Melayu juga dijadikan bahasa pengucapan pentas. Teater ini pada mulanya dikenali sebagai Tiruan Wayang Parsi, kemudian secara beransur mula dikenali dengan nama *bangsawan*. Pushi Indera *Bangsawan* adalah kumpulan *bangsawan* tempatan pertama yang melaksanakan perniagaan *bangsawan* secara profesional. Selain ahlinya bekerja sepenuh masa, teater ini diusahakan secara berkembara. Pementasannya pernah diadakan sejauh pulau Borneo dan Indonesia (Mohamed Ghouse Nasaruddin 2001).

Sejak 1980-an terdapat beberapa perubahan pada ciri tradisonal dan moden *bangsawan*. Antara aspek yang digugurkan daripada *bangsawan* adalah acara ritual buka dan tutup panggungnya, nilai komersial, pementasan cerita bersambung untuk beberapa malam, lakonan bentuk improvisasi dan kadangkala segmen *extra-turnnya*. Di samping pengguguran, beberapa penambahan juga dilakukan pada teater ini, antaranya adalah kehadiran skrip dan pengarah,

penggunaan pancaran multimedia sebagai pengganti latar hias, dan pelakon *miming* lagu semasa lakonan. Setakat ini teater bangsawan telah mengalami beberapa perubahan dan perkembangan selari dengan peredaran zaman, lokasi dan kecanggihan panggung-panggung pementasan di mana ia dipentaskan.

Bangsawan adalah salah satu unit pembelajaran yang penting dalam silibus sejarah teater Melayu di Malaysia. Teater bangsawan adalah unit pertama yang dibincangkan selaku dasar bagi sejarah teater Melayu moden. Teater ini bersifat unik kerana memiliki gabungan ciri teater tradisional dan moden, serta berkedudukan di tengah-tengah teater Melayu tradisional dan moden. Oleh kerana itu, bangsawan turut dikenali dengan istilah teater transisi (Tan 1993: m.s. 16). Kefahaman terhadap perkembangan dan bentuk teater bangsawan ini amat penting kerana ia mendasari genre teater moden Melayu yang lain di Malaysia seperti sandiwara, realisme, eksperimental, neo-realisme dan teater muzikal. Ilmu tentang bangsawan ini amat penting bukan sahaja kepada para penggiat seni persembahan, malah bakal pengurus dan pengubal polisi kebudayaan di Malaysia agar wajah, bentuk dan masa depan teater ini terpelihara serta terarah.

Penulisan ilmiah tentang bangsawan di Malaysia diterbitkan lebih 40 tahun yang lalu oleh Rahmah Bujang (1975). Penulisan tersebut merakam dan menghuraikan perkembangan bangsawan di Tanah Melayu dan Singapura. Penulisan Rahmah Bujang (1975) ini telah mendasari beberapa kajian di peringkat sarjana dan doktor falsafah kemudiannya yang meneliti pelbagai aspek persembahan teater ini, bukan sahaja di Tanah Melayu/Semenanjung Malaysia, malah Sarawak (Abdul Rahman Napiah 1987, Cameon 1981; Wan Abdul Kadir 1988; Nur Nina Zurah 1992; Tan Sooi Beng 1993; Abdul Samat Salleh 1996; Nur Afifah 2009; Jefri Haron 2014; Marlenny Deenerwan 2015; Nur Afifah 2017). Penulisan-penulisan ilmiah oleh para sarjana tempatan dan luar negara tentang bangsawan ini merakam pelbagai aspek tentang bangsawan selari dengan usia teater ini yang telah menjangkau usia lebih kurang 130 tahun. Sehubungan itu artikel ini secara umum bertujuan meneliti korpus ilmu tentang bangsawan di Malaysia setakat tahun 2017. Antara objektif khusus artikel ini adalah;

- i- menyelusuri penulisan penulisan ilmiah sejak tahun 1975 sehingga 2017 tentang bangsawan di Malaysia
- ii- menghuraikan skop perbincangan bangsawan dalam penulisan-penulisan lepas
- iii- mengklasifikasi korpus ilmu bangsawan di Malaysia berdasarkan skop lokasi subjek bangsawan yang dibincangkan dalam penulisan lepas.

### **TINJAUAN LITERATUR**

Penulisan lepas tentang bangsawan di Malaysia secara umum agak komprehensif setakat tahun 2017. Penulisan ilmiah terawal tentang bangsawan dilaksanakan oleh Rahmah Bujang (1975). Penulisan tersebut membincangkan sejarah perkembangan bangsawan di Tanah Melayu dan Singapura, manakala yang terkini adalah oleh Nur Afifah Vanitha Abdullah (2017) tentang signifikansi bangunan berpentas proscenium dalam persembahan bangsawan di Sarawak. Dalam jangkamasa lebih kurang 40 tahun (1975-2017) teater bangsawan turut dikaji oleh sarjana bidang sains sosial, kesusasteraan, seni visual dan juga seni persembahan. Kajian-kajian ini mencakupi pelbagai aspek dalam teater bangsawan. Antaranya adalah, bangsawan sebagai hiburan bandaran popular (Wan Abdul Kadir 1988); bangsawan dalam susur galur teater Melayu (Cameons 1981); format pementasan bangsawan sebagai sebuah teater transisi Melayu (Nur

Nina Zurah 1992); hubungan antara bentuk dramatik serta stail muzik Bangsawan (Tan Sooi Beng 1993), aspek lakonan dalam bangsawan (Abdul Samat Salleh 1996); aspek ritual dalam bangsawan (Mohamed Ghouse Nasuruddin 2000); perkembangan dan perubahan persembahan bangsawan di Sarawak dan intervensi teknologi dalam pemuliharaan teater bangsawan (Nur Afifah Vanitha Abdullah 2009; 2011b); struktur dan proses kreatif bangsawan (Mohd. Effindi Samsuddin dan Rahmah Bujang 2013) dan tirai latar bangsawan (Jeffri Haron 2014).

Selain penulisan ilmiah, terdapat juga penulisan yang bersifat deskriptif dan dokumentatif (A.H. Edrus 1960; Mustafa Kamil Yassin 1974; Maimunah Daud 1993; 1999). Penulisan bagi kategori ini dihasilkan oleh peminat dan penggiat bangsawan. Tulisan-tulisan ini penting kerana ia menghidangkan data-data penting tentang kegiatan teater bangsawan di Tanah Melayu/Malaysia dan Singapura. Pelbagai butiran persembahan antaranya nama kumpulan dan pengusaha bangsawan, para penggiatnya, budaya kehidupan anak-anak wayang bangsawan serta persembahannya dibincangkan dalam penulisan-penulisan ini.

Walaupun bilangan penulisan lepas yang ilmiah mahupun yang bersifat dokumentatif tentang bangsawan agak membanggakan, namun terdapat jurang ilmu dalam menghimpun dan merumuskan semua penulisan lepas dalam konteks korpus ilmu bangsawan di Malaysia. Artikel ini bertujuan memperbincangkan skop, kerangka konsep dan dapatan kajian penulisan-penulisan lepas tentang bangsawan. Selain itu, artikel ini juga akan mengkategorikan ilmu tentang bangsawan di Malaysia berdasarkan skop lokasi kajian dalam penulisan-penulisan yang sedia ada.

## **METODOLOGI**

Kajian berbentuk asas dirangka bagi memperolehi jawapan kepada persoalan artikel ini. Untuk itu kaedah kualitatif digunapakai untuk memperolehi data bagi artikel ini, terutamanya dari sumber-sumber kedua. Kajian perputakaan dipilih sebagai instrumen utama untuk mengumpul data tentang penulisan-penulisan lepas yang menjadikan bangsawan sebagai subjek perbincangan. Sehubungan itu bahan-bahan bercetak dan digital dijadikan sumber rujukan di perpustakaan serta di atas talian. Antara bahan yang diteliti adalah buku, disertasi dan artikel jurnal untuk memperolehi informasi tentang skop perbincangan serta lokasi teater bangsawan dalam penulisan-penulisan lepas. Analisis kandungan pula diaplikasi untuk menganalisis data-data yang telah diperolehi dalam mencari jawapan kepada persoalan artikel ini.

## **PERBINCANGAN**

Terdapat banyak penulisan lepas yang menjadikan teater bangsawan di Tanah Melayu dan Singapura sebagai subjek kajian sejak tahun-tahun 1970-an (A.H. Edrus 1960; Mustafa Kamil Yassin 1974; Rahmah Bujang 1975, 1989; Cantius Leo Cameons 1981; Abdul Rahman Napiah 1987; Wan Abdul Kadir 1988; Rahmah Bujang 1989; Ghulam Sarwar Yousof 1992; Nur Nina Zurah 1992; Tan Sooi Beng 1993; Abdul Samat Salleh 1996; Mohamed Ghouse Nassaruddin 2000; Mohd. Effindi Samsuddin dan Rahmah Bujang 2013; Jeffri Haron 2014; Marlenny Deenerwan 2015). Sementara itu, terdapat lebih kurang lima penulisan lepas yang memperbincangkan persembahan bangsawan di Sarawak (Maimunah Daud 1993, 1999; Nur Afifah Vanitha Abdullah 2003, 2009, 2011, 2017).

Secara umum, fokus penulisan-penulisan lepas tentang bangsawan di Tanah Melayu, Singapura dan Sarawak merangkumi pelbagai aspek. Ilmu yang dirakamkan dalam penulisan-

penulisan lepas tentang teater bangsawan merangkumi soal penapakan; perkembangan; genre; penggiat; pengurusan; pementasan seperti struktur dramatik, muzik, ritual dan lakonan; struktur persembahan; tirai latar; konvensi pementasan bangsawan, dan ruang pementasan bangsawan dan kaitannya dengan pengurusan persembahannya.

Walaupun bilangan dan aspek pengkajian bangsawan di Malaysia agak membanggakan, kebanyakannya lebih cenderung membincangkan perkembangan teater bangsawan di Tanah Melayu dan Singapura. Sementara itu, bilangan penulisan dan kajian lepas tentang teater bangsawan di Malaysia Timur, iaitu Sabah dan Sarawak pula agak terhad. Jika terdapat lebih kurang lima penulisan tentang bangsawan di Sarawak, penulisan tentang bangsawan di Sabah pula hampir tiada. Walhal teater bangsawan yang bersifat teater kembara dan amat popular sekitar pertengahan pertama abad ke-20 pernah sampai dan dipentaskan di Sabah (dikenali sebagai North Borneo ketika itu). Data-data tentang bangsawan di Sabah ini harus dirakam dengan segera agar korpus ilmu tentang bangsawan bagi Malaysia lebih komprehensif dan inklusif sifatnya. Malah pendokumentasian tentang bangsawan di Sabah ini memungkinkan kajian-kajian bersifat perbandingan tentang teater dan persembahan bangsawan di ketiga-tiga kawasan di Malaysia, iaitu Semenanjung Tanah Melayu, Sarawak dan North Borneo.

Secara umum, penulisan-penulisan lepas yang sedia ada mengenai bangsawan dapat dibahagikan kepada dua kategori, iaitu 1) bangsawan Tanah Melayu dan Singapura dan 2) Sarawak. Kategori pertama merangkumi penulisan-penulisan yang mengkaji pelbagai aspek tentang bangsawan di Tanah Melayu dan Singapura secara khusus. Penulisan-penulisan lepas ini telah dihasilkan seawal tahun-tahun 1960-an dan merangkumi aspek seperti perkembangan teater bangsawan, aspek pementasan secara umum dan juga khusus seperti muzik, lakonan, tirai latar dan konvensi pementasan, serta struktur dramatik. Sementara itu, kategori kedua pula adalah penelitian tentang bangsawan di Sarawak yang berjaya dilaksanakan sekitar awal tahun-tahun 1990-an sehingga 2017. Perbincangan seterusnya akan difokuskan kepada skop penulisan-penulisan lepas ini mengikut dua kategori yang diperjelaskan sebelum ini.

### **Penulisan Lepas tentang Bangsawan di Tanah Melayu dan Singapura**

Penulisan A.H. Edrus (1960) bertajuk *Persuratan Melayu III: Drama dan Perkembangan Bahasa Melayu* merupakan tulisan pertama yang mencatatkan perihal penapakan dan perkembangan Bangsawan dalam kalangan masyarakat Melayu di Tanah Melayu. Fokus penulisan ini adalah cerita pelbagai genre persembahan seperti tonel, sandiwara, teks drama radio sandiwara dan bangsawan. Dari aspek cerita bangsawan, Edrus menyatakan bahawa cerita-cerita yang dipentaskan dalam persembahan bangsawan mengisahkan perihal kayangan yang disulami dengan nyanyian. Penulisan ini juga turut membincangkan beberapa buah kumpulan bangsawan yang terkemuka di Tanah Melayu dan Singapura misalnya Wayang Kasim, Bangsawan Zanibar Royal Theatrical Company of Singapore dan Yap Chow Tong Opera; dan penggiat bangsawan terkenal seperti Aman Belon, Khairuddin Thairo dan Wan Yet Al-Kaf. Selain itu saiz, corak budaya, gaya pengurusan dan aspek-aspek pementasan kumpulan-kumpulan bangsawan Tanah Melayu turut diperkatakan oleh Edrus. Secara ringkas, penulisan ini amat signifikan dalam pengajian tentang bangsawan kerana ia menyediakan gambaran tentang jenis dan peranan tauke bangsawan dalam kegiatan teater ini pada awal perkembangannya. Selain itu penulisan ini juga sarat dengan data seperti nama pelakon, bayaran

kepada pelakon, dan gaya kehidupan anak-anak wayang bangsawan pada awal abad ke-20 di Tanah Melayu dan Singapura.

Mustafa Kamil Yassin dalam *The Malay Bangsawan* (1974) pula mengklasifikasi bangsawan sebagai sebuah teater tradisional yang popular. Selain membincangkan sejarah teater bangsawan di Tanah Melayu, penulisan ini membincangkan aspek-aspek pentastasan seperti teater proscenium; kelengkapan pentas; sistem bintang; aspek lakonan; jalan cerita; jenis aksi-aksi lawak; dan kostum. Melalui penulisan ini, Mustafa membuktikan bahawa bangsawan adalah sebuah teater tradisional yang bersifat popular dalam kalangan masyarakat tempatan pelbilang kaum walaupun teater ini menggunakan pentas proscenium dan mementaskan cerita-cerita Barat. Penulisan ini memberi pemerincian kepada keperluan dan kaedah pentastasan bangsawan di Tanah Melayu dan menjadi tulisan penting bagi kajian terhadap budaya pentastasan bangsawan di Tanah Melayu sebelum tahun-tahun 1950-an.

Penulisan Rahmah Bujang (1975) yang bertajuk *Sejarah Perkembangan Drama Bangsawan di Tanah Melayu dan Singapura* adalah penulisan ilmiah terawal tentang bangsawan di Tanah Melayu dan Singapura. Rahmah juga merupakan antara sarjana teater di Malaysia yang menggolongkan bangsawan di bawah kategori teater tradisional Melayu. Dengan berpegang kepada “teori ritual”, Rahmah menjejaki asal usul, penapakan, perkembangan dan kemerosotan Bangsawan daripada lewat abad ke-19 hingga tahun-tahun 1940-an. Di samping itu, aspek pentastasan seperti lakonan improvisasi; bentuk plot cerita; nyanyian dalam babak dan antara babak; amalan buka panggung; dan pentas dibincangkan secara terperinci untuk memaparkan ciri teater tradisional yang ada pada teater bangsawan. Penulisan ini adalah penting kerana ia menyediakan gambaran menyeluruh berhubung sejarah dan bentuk persembahan bangsawan di Tanah Melayu dan Singapura. Penulisan ini adalah antara teks dan rujukan penting dalam mengenali sejarah teater bangsawan di Malaysia.

Cantius Leo Cameons (1981) dalam tesis sarjananya yang bertajuk *History and Development of Malay Theatre* pula memerincikan perkembangan dan perubahan teater Melayu di Malaysia daripada bentuk tradisional ke moden. Cameons merupakan pengkaji pertama yang melabel bangsawan sebagai teater transisi kerana ia terdiri daripada elemen-elemen teater tradisional dan teater moden. Penulisan ini antara lain memerincikan peranan faktor sosial dan budaya masyarakat dalam menjana perubahan teater Melayu. Selain faktor sosial dan budaya, penulisan ini juga mendapati bahawa penonton (bukannya tuntutan artistik semata-mata) turut mempunyai peranan dalam mempengaruhi aspek-aspek pentastasan bangsawan. Hal ini memberi kefahaman yang jelas bahawa bentuk persembahan bangsawan di Tanah Melayu amat dipengaruhi oleh tujuan penganjurannya, iaitu meraih keuntungan. Secara keseluruhan, penulisan ini membuktikan bahawa faktor persekitaran mempunyai peranan penting dalam mempengaruhi kemunculan dan bentuk sesebuah teater.

Abdul Rahman Napiah (1987) dalam *Drama Moden Malaysia: Perkembangan dan Perubahan*, pula membincangkan bangsawan di Tanah Melayu sebagai sebuah teater transisi yang berkedudukan antara teater tradisional dan teater moden. Walaupun penulisan ini memfokus kepada teks-teks drama Melayu daripada tahun 1950 hingga 1980, Abdul Rahman turut membincangkan aspek pengkelasan teater bangsawan. Secara keseluruhan, penulisan ini menampilkan bangsawan sebagai sebahagian daripada susur galur teater Melayu yang memiliki struktur dramatik yang tersendiri.

Wan Abdul Kadir (1988) dalam *Budaya Popular dalam Masyarakat Melayu Bandaran* pula menggunakan pendekatan sejarah dan sains sosial dalam mengkaji perkembangan budaya

masyarakat Melayu bandar di Tanah Melayu daripada tahun 1870 hingga 1940. Menurut Wan, perubahan masyarakat Melayu tradisional dan perkembangan bandar-bandar koloni di bawah pemerintahan British adalah faktor utama yang mendorong perkembangan pelbagai jenis hiburan popular pada waktu itu. Dalam penulisan ini, Wan turut membincangkan mengenai hubungan pengusaha, artis, artifak dan penonton dalam setiap genre hiburan popular di Tanah Melayu seperti bangsawan, muzik, tarian, filem dan radio. Dalam konteks bangsawan, penulisan ini menegaskan bahawa pengusaha dan artis mengekalkan beberapa ciri tradisional persembahan Melayu sambil menyesuaikan kegiatannya dengan aspek-aspek teater moden. Wan Abdul Kadir juga menegaskan bahawa faktor persekitaran mempunyai pengaruh kuat terhadap kegiatan bangsawan. Dorongan faktor persekitaran ini menyebabkan teater bangsawan dijalankan secara profesional dan komersil (publisiti dilaksanakan; tiket mula dijual; dan persembahannya sering disesuaikan dengan selera penonton). Kaedah-kaedah ini dilaksanakan agar bangsawan kekal sebagai hiburan popular dalam kalangan masyarakat Melayu bandaran yang terdedah kepada unsur-unsur budaya Barat. Wan Abdul Kadir menyediakan kefahaman menyeluruh terhadap kesan faktor persekitaran terhadap hubungan pengusaha, artis, artifak dan penonton bangsawan di Tanah Melayu.

Manakala dalam *Seni Persembahan Bangsawan* (1989), Rahmah Bujang membincangkan mengenai aspek struktur dramatik dalam cerita bangsawan secara khusus. Menurut Rahmah, teater bangsawan mudah difahami jika ciri-ciri dramatiknya dikaitkan antara satu dengan yang lain dan dikaji sebagai satu gabungan untuk menghasilkan pementasan. Bentuk cerita, lakonan, pentas dan muzik bangsawan dibincangkan sebagai gabungan penting dalam sebuah pementasan Bangsawan. Bahan ini memberi data yang mantap tentang keperluan elemen cerita dalam skrip bangsawan dan aspek-aspek teaterikal bagi teater bangsawan.

Dalam *Panggung Semar* (1992), Ghulam Sarwar secara umum membincangkan kategori teater Melayu. Pelbagai bentuk teater tradisional dijadikan bahan perbincangan dalam buku ini. Dalam konteks tersebut, Ghulam Sarwar menghuraikan bangsawan sebagai sebuah teater transisi yang berbentuk nyanyian dan lakonan. Antara aspek yang dihuraikan tentang bangsawan adalah sejarah kelahiran bangsawan; aspek-aspek cerita seperti watak dan perwatakan, jenis cerita; dan keperluan pementasan seperti pentas, penjualan tiket, pembahagian ruang di antara pelakon dan penonton, dan penggelapan ruang auditorium semasa pementasan bangsawan menjadi tumpuan penulisan ini. Penulisan ini memberi kefahaman lebih jelas tentang keperluan sebuah teater bangsawan serta formatnya apabila dibincangkan bersama genre teater tradisional Melayu yang lain. Penulisan ini penting untuk memperlihatkan keunikan dan kelainan bangsawan sebagai sebuah teater transisi Melayu.

Nur Nina Zurah (1992), dalam *An Analysis of Malay Modern Drama* pula menggunakan pendekatan sejarah dan sosiologi bagi meneliti perubahan drama moden Melayu. Menurut Nur Nina, drama moden Melayu berkembang melalui tiga fasa utama, iaitu Sandiwara, drama moden dan teater eksperimental. Drama moden Melayu, menurut penulisan ini mengalami tiga fasa perubahan hasil dorongan faktor persekitaran antaranya aspek sosial, politik, ekonomi, budaya dan Pendidikan, yang berlaku pada waktu-waktu tertentu di Semenanjung Malaysia (Tanah Melayu sebelum 31 Ogos 1957). Bangsawan, pada pendapat Nur Nina, adalah sebuah teater transisi yang wujud sebelum drama Sandiwara. Nur Nina berpendapat gabungan ciri teater tradisional dan moden yang terdapat pada bangsawan adalah hasil daripada pengaruh faktor persekitaran masyarakat pada waktu itu. Sebagai sebuah teater transisi, Nur Nina membincangkan ciri-ciri teater bangsawan, kebangkitan, kegemilangan dan kemerosotannya

selari dengan konteks persekitarannya dari penghujung abad ke-19 sehingga pertengahan abad ke-20. Penulisan ini penting kerana teater bangsawan dibincangkan dalam konteks yang lebih luas, dan tidak terhad kepada bentuknya semata-mata. Aspek teaterikal dan estetika bangsawan dikaitkan dengan konteks persekitaran. Ini adalah kelebihan penulisan Nur Nina kerana ia memberi justifikasi kepada format serta pengisian teater ini selari dengan konteks zamannya.

Sementara itu, Tan Sooi Beng (1993) dalam *A Social and Sylistic History of Popular Malay Opera* memberi tumpuan terhadap hubungan antara bentuk dramatik serta stail muzik bangsawan dengan proses politik, sosial dan budaya masyarakat Tanah Melayu sejak awal kurun ke-20 hingga tahun-tahun 1980-an. Selain itu, Tan turut membincangkan kelahiran bangsawan, ciri-ciri teater ini, kemerosotan dan pemeliharaan semula seni persembahan transisi ini. Walaupun Tan mengesahkan bahawa faktor persekitaran seperti perkembangan sosial dan politik adalah penting dalam membentuk hala tuju dan ciri bangsawan, beliau berpendapat bahawa aspek ini bukan satu-satunya jawapan kepada kesinambungan dan perubahan bangsawan. Tan berpendapat bahawa para penggiat bangsawan yang kreatif dan inovatif turut berperanan dalam mempengaruhi perubahan teater ini. Tambah Tan lagi, para penggiat bangsawan didorong oleh kekangan dari segi sosio-ekonomi, politik, struktural dan sejarah untuk melakukan perubahan terhadap teater bangsawan.

Penulisan Abdul Samat Salleh (1996) bertajuk *Lakonan dalam Teater Bangsawan* merupakan satu-satunya yang membincangkan aspek lakonan bangsawan secara terperinci. Teknik lakonan improvisasi dalam persembahan bangsawan menjadi subjek perbincangan utama penulisan ini. Kajian ini mendapati pelakon bangsawan berpegang kepada suatu kerangka tetap sebagai panduan lakonan. Kerangka tetap yang merangkumi aksi pergerakan tubuh, pergerakan pentas, bahasa dan lagu menjadi panduan utama kepada pelakon dalam melahirkan watak, manakala aspek improvisasi pula bergantung kepada bakat seseorang pelakon. Penulisan ini memberi kefahaman yang mendalam mengenai kaedah penyesuaian watak dalam kalangan pelakon bangsawan yang mengaplikasi teknik improvisasi.

Mohamed Ghouse Nassaruddin (2000) dalam *Teater Tradisional Melayu* pula membincangkan genre-genre teater tradisional Melayu dengan berpegang kepada “teori ritual” sebagai asal usul teater. Mohamed Ghouse membincangkan mengenai bangsawan dan genre-genre teater tradisional yang lain berdasarkan konvensi-konvensi teater seperti jenis panggung, latar hias, cerita, watak, lakonan, muzik, tarian, pakaian dan struktur persembahan. Perbincangan tentang keperluan dan kaedah melaksanakan amalan buka panggung dan amalan tutup panggung semasa persembahan bangsawan merupakan antara kelainan penulisan ini berbanding penulisan-penulisan sebelumnya.

Nur Afifah Vanitha Abdullah (2011) merakamkan dapatan kajiannya yang bertajuk “Intervensi Teknologi dalam Pemuliharaan Teater Bangsawan” yang dijelankannya pada tahun 2010. Kajiannya bersifat aplikasi dalam mencari kaedah alternatif untuk menangani beberapa masalah yang menjadi cabaran kepada kesinambungan teater bangsawan di Malaysia. Teknologi dan pentas berbentuk semi-arena diaplikasi untuk menangani cabaran pementasan bangsawan, antaranya pelakon kurang berbakat menyanyi dan menari, kos tinggi dalam menghasilkan latar hias, serta perbelanjaan besar untuk menyewa bangunan berpentas prosenium. Penulisan ini mendapati teknologi mampu mengatasi masalah bakat pelakon melalui kaedah miming, iaitu semasa pementasan pelakon hanya menggerakkan mulut dan mengikut lagu yang telah dirakam terlebih dahulu; dan menggunakan pancaran LCD sebagai pengganti latar hias pentas yang pelbagai. Namun begitu, pentas berbentuk semi-arena dengan kedudukan penontonnya yang



bertingkat tidak dapat menggantikan pentas prosenium dalam pementasan teater bangsawan. Penulisan Nur Afifah (2011) bukan sahaja mengesahkan bahawa pentas prosenium berkait rapat dengan format pementasan teater bangsawan, malah membuktikan bahawa ruang ini dan teater bangsawan tidak dapat dipisahkan.

Mohd. Effindi Samsuddin dan Rahmah Bujang (2013) pula dalam artikel bertajuk, *Bangsawan: Creative Patterns in Production*, membincangkan rekabentuk dalam produksi bangsawan. Selain membincangkan perkembangan dan asal usul teater ini, penulisan ini memberi fokus kepada aspek estetika dan artistik teater ini, dengan memberi penekanan kepada produksi-produksi lepas di Semenanjung Malaysia.

Jeffri Haron (2014) pula meneliti estetika Melayu dalam tirai-tirai latar bangsawan, dalam koleksi Sasterawan Negara Rahman B. Penulisan ini membincangkan tirai latar bangsawan dari aspek motif dan rekabentuk, serta falsafah dan nilai kepercayaan Melayu. Penulisan ini mendapati unsur-unsur alam semulajadi amat dekat dengan masyarakat Melayu. Perkara ini mempengaruhi kehidupan dan kesenian orang Melayu dan dijelmakan dalam bentuk kerawang yang berupa corak dan rupa flora. Nilai kepercayaan dan mitos masyarakat Melayu juga mempengaruhi tirai-tirai latar bangsawan koleksi Rahman B.

Manakala Marlenny Deenerwan (2015) dalam tesis doktor falsafahnya yang bertajuk *Positioning Bangsawan for a Contemporary Malaysian Audience with a New Framework for Transmitting Rahman B.'s Conventions*, membincangkan konvensi pementasan bangsawan Rahman B dalam kerangka baharu bagi khalayak kontemporari Malaysia. Keperluan merakamkan kerangka ini berpunca daripada beberapa isu, antaranya perdebatan tentang format pementasan bangsawan dan ilmu pementasan bangsawan dalam bentuk tradisi lisan. Berdasarkan sebuah penyelidikan berbentuk applikasi, penulisan ini mengemukakan satu konvensi pementasan bangsawan sebagai panduan alternatif bagi penggiat bangsawan kontemporari.

### **Penulisan Lepas tentang Bangsawan di Sarawak**

Maimunah dalam “Bangsawan Down Memory Lane” (1993) dan *Glimpses of Malay Life in Sarawak* (1999) pula memberi tumpuan terhadap kegiatan Bangsawan dalam kalangan masyarakat Melayu Sarawak, khususnya Kuching pada tahun-tahun 1940-an dan 1950-an. Maimunah membincangkan Bangsawan daripada sudut tenaga produksi, penonton, ruang pementasan, penjualan dan harga tiket, cerita yang dipentaskan, *extra turn* dan fungsi kegiatannya terhadap masyarakat Melayu. Faktor kemerosotan kegiatan bangsawan di Kuching pada awal 1960-an turut dibincangkan oleh Maimunah.

Penulisan oleh Nur Afifah Abdullah (2003) amat signifikan dalam memahami penapakan bangsawan di Sarawak. Penulisan yang bertajuk *Bangsawan: The Malay Opera of Sarawak: A Historical Perspective* bertujuan mengidentifikasi arah lokasi bangsawan yang sampai ke Sarawak. Sehubungan itu penulisan ini membincangkan asal usul bangsawan di Sarawak. Artikel ini turut memberikan beberapa hujah dalam memperbincangkan faktor penolak dan penarik bagi bangsawan dari Tanah Melayu dan Singapura, dan bagaimana teater ini mula bertapak di Sarawak. Untuk mengukuhkan hujah tersebut, Nur Afifah mengemukakan beberapa bukti berhubung kemasukan dan kegiatan kumpulan-kumpulan bangsawan dari Tanah Melayu dan Singapura di Kuching sekitar awal abad ke-20. Antara hujah tersebut adalah sistem pengangkutan air; musim angin Barat-daya dan Timur-Laut yang menentukan sistem pelayaran

kapal-kapal laut ketika itu; kedudukan masyarakat Melayu di sepanjang pesisir pantai Sarawak; serta kepesatan kegiatan teater bangsawan di Tanah Melayu dan Singapura. Penulisan ini sangat penting untuk mengesahkan bahawa asas bagi teater bangsawan di Sarawak adalah kumpulan-kumpulan bangsawan dari Tanah Melayu dan Singapura, dan bukannya dari Kalimantan Barat.

Nur Afifah Vanitha Abdullah (2009) telah membincangkan persembahan bangsawan di Sarawak dalam kajian doktor falsafahnya yang bertajuk “Perkembangan dan Perubahan Persembahan bangsawan di Sarawak 1914-2004.” Dalam penulisan ini perkembangan dan perubahan persembahan bangsawan diklasifikasikan kepada empat jenis iaitu, Persembahan bangsawan Tanah Melayu, Persembahan bangsawan kampung, Persembahan bangsawan 1980-an dan Persembahan bangsawan Sarawak. Dengan mengaplikasi teori persembahan Richard Schechener (1985) kajian berbentuk kualitatif ini mendapati, perkembangan dan perubahan persembahan bangsawan di Sarawak (1914-2004) amat dipengaruhi oleh perubahan pada faktor persekitaran, *production mode*, dan proses persembahan. Ketiga-tiga aspek ini amat berkait dan mempengaruhi satu sama lain. Kajian ini turut mendapati, bangsawan yang muncul atas desakan faktor persekitaran mengalami perubahan yang lebih ketara dan memiliki jangka hayat yang lebih lama berbanding faktor dalaman. Fenomena ini berlaku disebabkan teater ini digunakan sebagai agen budaya bagi mencapai agenda tertentu. Manakala pengaruh faktor dalaman pula hanya memberi kesan yang minima terhadap setiap aspek dalam *production mode*, seperti penganjur, kewangan, tenaga produksi, gaya pengurusan dan tujuan penganjuran. Kajian ini juga mengesahkan bahawa di sebalik perubahan persembahan bangsawan di Sarawak, struktur dan bentuk pementasan bangsawan yang asli (Bangsawan Tanah Melayu) tetap dikekalkan. Dengan kata lain, perubahan yang berlaku terhadap persembahan bangsawan di Sarawak adalah lebih bersifat kosmetik dan luaran sahaja manakala format asas pementasannya masih tetap sama sepanjang tempoh 1914-2004.

Nur Afifah Vanitha Abdullah (2017) dalam artikelnya bertajuk, “Signifikasi Bangunan Berpentas Prosenium dalam Persembahan Bangsawan di Sarawak” pula membincangkan kaitan bangunan dan ruang lakon prosenium dalam penganjuran teater bangsawan. Artikel ini menghuraikan proses berkumpul, membuat persembahan dan bersurai selari dengan seni bina bangunan berpentas prosenium di mana teater bangsawan dipentaskan. Artikel ini cuba menjawab persoalan, ‘kenapa bangunan berpentas prosenium amat sinonim dengan pementasan teater bangsawan?’. Dapatan dalam artikel ini adalah, setiap proses dalam persembahan bangsawan berkait rapat bangunan dan kelengkapan sebuah pentas prosenium. Misalnya untuk melaksanakan acara *extra turn* dalam teater bangsawan, tirai hadapan dan bahagian *apron* pentas adalah dua keperluan asas. Manakala kelengkapan peralatan seperti jala dan *side wing* pula adalah antara ciri artistik dan estetik teater bangsawan. Ia adalah antara identiti khusus dalam pementasan teater bangsawan. Artikel ini adalah yang pertama untuk membincangkan seni bina bangunan berpentas prosenium dan kaitannya dengan persembahan bangsawan.

## RUMUSAN

Kajian dan dokumentasi tentang teater bangsawan telah dilaksanakan sejak lebih 40 yang lalu di Malaysia. Sorotan terhadap penulisan-penulisan lepas tentang bangsawan di Malaysia membuktikan bahawa penelitian yang agak ekstensif telah dilakukan terhadap teater ini. Sehubungan itu korpus ilmu bangsawan di Malaysia telah mencakupi pelbagai skop seperti sejarah dan perkembangan, konvensi teater, aspek ritual, muzik, lakonan, dan aspek intervensi

untuk tujuan pemeliharaan teater ini. Korpus ilmu yang sedia ada tentang teater bangsawan dapat dikategorikan mengikut kawasan di mana penelitian telah dilaksanakan iaitu di Tanah Melayu, Singapura dan Sarawak.

### RUJUKAN

- Abdul Rahman Napiah. 1987. *Drama Moden Malaysia: Perkembangan dan Perubahan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Samat Salleh. 1996. Aspek Lakon di Dalam Teater Bangsawan. Tesis Doktor Falsafah. Minden: Universiti Sains Malaysia.
- Cameons, Cantius Leo. 1981. History and development of Malay Theatre. Tesis Sarjana. Kuala Lumpur: University Malaya.
- Edrus, A.H. 1960. *Persuratan Melayu: Drama dan Perkembangan Bahasa Melayu*. Singapura: Qalam Printers.
- Ghulam Sarwar Yousof. 1992. *Panggung Semar*. Petaling Jaya: Tempo Publishing Sdn. Bhd.
- Jeffri Haron. 2014. Estetika Set Tirai Latar Babak Teater Bangsawan Koleksi Rahman B. Tesis Sarjana. Tanjong Malim: Universiti Perguruan Sultan Idris.
- Maimunah Daud. 1993. Bangsawan Down Memory Lane. *Sarawak Gazette*. Vol. CXX No. 1525, September.
- Maimunah Daud. 1999. *Glimpses of Malay Life in Sarawak*. Kuching: Yayasan Budaya Melayu Sarawak.
- Marlenny Deenarwan. 2015. Positioning Bangsawan for a Contemporary Malaysian Audience with a New Framework for Transmitting Rahman B.'s Conventions. Tesis Doktor Falsafah. Australia: Monash University.
- Mohd. Effindi Samsuddin dan Rahmah Bujang. 2013. Bangsawan: Creative Patterns in Production. *Asian Theatre Journal*. Vol. 30, 1, 122-144.
- Mohamed Ghouse Nasuruddin. 2000. *Teater Tradisional Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mustapha Kamil Yassin. 1974. *The Malay Bangsawan in Traditional Drama and Music of Southeast Asia*. (Mohd. Taib Osman ed.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nur Afifah Vanitha Abdullah. 2003. "Bangsawan" the Malay Opera of the Borneo Island. *Sarawak Gazette Delima Edition*. Kuching: Jabatan Ketua Menteri.
- Nur Afifah Vanitha Abdullah. 2009. Perkembangan dan Perubahan Persembahan Bangsawan di Sarawak 1914-2004. Tesis Doktor Falsafah. Minden: Universiti Sains Malaysia.
- Nur Afifah Vanitha Abdullah. 2011. Investigating the Effectiveness of Alternative Methods in Staging of Malay Opera. *Proceeding Konferensi Performing Arts Creative Industries in Asia (PACIA)*. 23-24 Mac. Minden: Universiti Sains Malaysia.
- Nur Afifah Vanitha Abdullah. 2017. Signifikasi Bangunan Berpentas Prosenium Dalam Persembahan Bangsawan di Sarawak. *Jurnal Wacana Seni* Vol. 16.
- Nur Nina Zuhra. 1992. *An Analysis of Modern Malay Drama*. Shah Alam: Biroteks Institut Teknologi MARA.
- Rahmah Bujang. 1975. *Sejarah Perkembangan Drama Bangsawan di Tanah Melayu dan Singapura*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rahmah Bujang. 1989. *Seri Persembahan Bangsawan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Tan Sooi Beng. 1993. *Bangsawan: A Social and Stylistic History of Popular Malay Opera*. Singapore: Oxford University Press.
- Wan Abdul Kadir. 1988. *Budaya Popular dalam Masyarakat Melayu Bandaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

### **PENGHARGAAN**

Data bagi kertas kerja ini diperolehi daripada Geran Galakan Penyelidik Muda GGPM UKM-2016-024.

#### **Biodata Penulis:**

##### **Nur Afifah Vanitha Abdullah**

Penulis merupakan Pensyarah Kanan di Pusat Penyelidikan Bitara Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang kepakaran beliau adalah pengajian seni persembahan dengan fokus kepada bidang drama dan teater. Penerbitan lepas beliau cenderung ke bidang teater tradisional, teater sebagai agen perubahan, teater eksperimental, teater dan teknologi, kritikan teks drama dan filem.